



Rujukan Kami : 500-BPD(JPbSM/UB.14/3/1)  
Tarikh : 29 JUN 2015

Kepada Pemegang Biasiswa UITM

Tuan/ Puan

**PENGHANTARAN LAPORAN KEMAJUAN PENGAJIAN BAGI PROSES PEMANTAUAN PEMEGANG BIASISWA DALAM PENGAJIAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pemegang biasiswa bertanggungjawab mengemukakan laporan kemajuan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam memorandum biasiswa.
3. Bagi memastikan kelancaran penghantaran dan ulasan Dekan/ Ketua Jabatan, mulai 1 Julai 2015 tuan/puan diminta memajukan laporan kemajuan pengajian seperti berikut-

Maklumat Pengajian	Tindakan Pemegang Biasiswa
<i>Plan of Studies</i> (Tiga bulan pertama pengajian)	Memajukan :- <ul style="list-style-type: none"><li>• 1 Salinan kepada Dekan Fakulti/ Ketua Jabatan (untuk ulasan)</li><li>• 1 Salinan kepada Bahagian Biasiswa, JPbSM (untuk rekod)</li></ul>
Laporan Kemajuan Berkala Pengajian M.Phil/Ph.D ( <i>Progress Report</i> ) (setiap 6 bulan, 18 bulan dan 30 bulan) / Keputusan Peperiksaan	
Pengesahan Kelulusan PhD <i>Proposal</i> / keputusan pembentangan rancangan penyelidikan / PhD <i>Candidature</i> (bagi yang berkenaan)	
<i>Performance Appraisal</i> (setiap akhir tahun)	Bahagian Biasiswa, JPbSM

4. Laporan pengajian adalah berkaitan dengan prestasi pengajian, manakala *Performance Appraisal* berkait rapat dengan pergerakan gaji dalam tempoh cuti belajar yang diberikan. Bagi mengelakkan penahanan bayaran gaji yang dibayar oleh universiti, maka pemegang biasiswa dikehendaki mengemukakan laporan tersebut mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang Benar

HAJI JAMALUDDIN HAJI ARDANI  
Ketua  
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

- s.k.
1. Dekan Fakulti/ Ketua Jabatan
  2. Moderator Biasiswa Fakulti/ Ketua Jabatan  
(Tuan/puan untuk makluman dan tindakan. Terima kasih)

ms

Laman web : <http://pendaftar.uitm.edu.my>

